



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2001

**ELAUN PERUMAHAN WILAYAH
BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan pemberian Elaun Perumahan Wilayah (EPW) kepada pegawai yang bertukar Wilayah.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 telah memperuntukkan kemudahan Had Kadar Sewa Rumah untuk pegawai yang bertukar Wilayah. Kemudahan tersebut dilaksanakan mulai 1 Januari 1988. Kerajaan telah menyemak semula peraturan dan pelaksanaan kemudahan tersebut dan memutuskan supaya ia diganti dengan pemberian EPW.

PELAKSANAAN

Takrifan

3. “Pegawai yang bertukar Wilayah” ertinya
 - 3.1 pegawai yang berasal dari Sabah (termasuk Labuan) atau Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung; atau
 - 3.2 pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah (termasuk Labuan) atau Sarawak; atau
 - 3.3 pegawai yang berasal dari Sabah (termasuk Labuan) yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sarawak dan pegawai yang berasal dari Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah (termasuk Labuan).

Kelayakan

4. Pegawai yang bertukar Wilayah layak diberi EPW. Elaun ini tidak melibatkan anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Kadar

5. Kadar EPW adalah seperti di **Lampiran A**. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana terletaknya pejabat pegawai. Kawasan bandar hendaklah berpandukan kepada kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

Peraturan

6. EPW dibayar kepada pegawai mulai dari tarikh pegawai melaporkan diri di Wilayah baru tertakluk kepada peraturan seperti berikut –

- 6.1 pegawai yang dibayar EPW **tidak layak** Imbuhan Tetap Perumahan (ITP);
- 6.2 pegawai yang **tidak menduduki** rumah kerajaan boleh memilih sama ada menerima EPW atau ITP;
- 6.3 pegawai yang **menduduki** rumah kerajaan tidak layak EPW dan tidak layak ITP (rumah diperuntukkan kepada pegawai secara perseorangan atau secara berkongsi);
- 6.4 pegawai yang **menduduki** rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada suami atau isteri, tidak layak EPW tetapi layak ITP;
- 6.5 pegawai suami dan isteri yang bertukar Wilayah dan **tidak menduduki** rumah kerajaan, boleh dibayar ITP masing-masing. Walau bagaimanapun, salah seorang antara mereka boleh memilih EPW;
- 6.6 pegawai yang bercuti tanpa gaji **tidak layak** kedua-dua EPW dan ITP;
- 6.7 pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan **tidak layak** EPW;
- 6.8 pegawai yang menghadiri kursus melebihi 3 bulan **tidak layak** EPW; dan
- 6.9 pegawai yang bertukar Wilayah yang dibenarkan menduduki hotel melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan semasa pertukaran, akan kehilangan secara *proportionate* EPW bagi tempoh tambahan yang beliau tinggal di hotel.

7. **Semua** pegawai yang bertukar Wilayah dikehendaki mengisi **Borang JPA (EPW)** yang dilampirkan untuk maksud menentukan kelayakan masing-masing. Panduan untuk menentukan kelayakan EPW atau ITP adalah seperti di **Lampiran B**.

Rumah Yang Disediakan Oleh Jabatan

8. Di mana terdapat *Rumah Khas Jabatan* atau *Rumah Khas Jawatan* yang disediakan oleh Jabatan/Agensinya, maka pegawai tidak ada pilihan dan dikehendaki menduduki rumah berkenaan. Dengan itu, pegawai tidak lagi layak EPW atau ITP.

Kemudahan Had Kadar Sewa Rumah

9. Pegawai yang sedang menikmati kemudahan Had Kadar Sewa Rumah mengikut peraturan pertukaran Wilayah di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1987**, adalah dibenarkan terus menikmati kemudahan tersebut sehingga berlakunya salah satu daripada keadaan berikut:

- 9.1 pegawai memilih untuk menamatkan perjanjian sewa rumah; atau
- 9.2 perjanjian sewa rumah ditamatkan oleh tuan rumah; atau
- 9.3 sehingga 31 Disember 2002.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2002**.


PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, **perenggan 7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987** adalah **dibatalkan**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI)
Ketua Rengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 November 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

KADAR ELAUN PERUMAHAN WILAYAH (EPW)
(RM) Sebulan

NEGERI DAN BANDAR	Pengurusan Tertinggi				Pengurusan & Profesional			Kumpulan Sokongan	
	Turus	A	B	C	Gred 1	Gred 2	Gred 3	Kat. V - VII	Kat. VIII - XI
K.L. / Putrajaya									
<i>Semua kawasan</i>	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
Selangor									
<i>Petaling Jaya</i>	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
<i>Subang Jaya</i>	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
<i>Shah Alam</i>	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Pulau Pinang									
<i>Pulau Pinang</i>	2500	2000	1600	1300	1100	700	600	550	500
<i>Seberang Perai</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Johor									
<i>Johor Bahru</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	300	280	230
Sabah									
<i>Kota Kinabalu</i>	2500	2000	1600	1300	970	800	600	550	500
<i>Sandakan</i>	2500	2000	1600	1300	970	700	600	550	500
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	500	470	430
Labuan									
<i>Labuan</i>	2500	2000	1600	1300	970	800	600	550	500
Sarawak									
<i>Kuching</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
<i>Miri</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
<i>Bintulu</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	600	550	500
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
Perak									
<i>Ipoh</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	200
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	250	220	180
Negeri Sembilan									
<i>Seremban</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	400	350	300
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	300	280	250
Melaka									
<i>Bandar Melaka</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	400	350	300
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	230
Kedah									
<i>Langkawi</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	500	450	400
<i>Alor Setar</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	450	400	350
<i>Sg. Petani</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	450	400	350
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	300	270	230
Perlis									
<i>Kangar</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	280	250	220
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	260	230	200
Pahang									
<i>Kuantan</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	280	250	220
Terengganu									
<i>Kuala Terengganu</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
<i>Dungun</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	350	300	250
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	270	230	180
Kelantan									
<i>Kota Bharu</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	300	250	200
<i>Kawasan lain</i>	2500	2000	1600	1300	900	700	250	200	170

Catatan: Kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) digunakan jika kadar EPW lebih rendah

**PANDUAN UNTUK PENENTUAN
KELAYAKAN EPW ATAU ITP BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

KEDUDUKAN PEGAWAI	LAYAK		TIDAK LAYAK		BOLEH MEMILIH EPW ATAU ITP
	EPW	ITP	EPW	ITP	
1. Pegawai yang menerima EPW				✓	
2. Pegawai tidak menduduki rumah kerajaan					✓
3. Pegawai menduduki rumah kerajaan			✓	✓	
4. Pegawai menduduki rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada suami atau isteri		✓	✓		
5. Pegawai suami dan isteri yang bertukar Wilayah dan tidak menduduki rumah kerajaan		✓ (pasangan yang tidak memilih EPW)			✓ (salah seorang sahaja)
6. Pegawai yang bercuti tanpa gaji			✓	✓	
7. Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan		✓	✓		
8. Pegawai yang telah membeli rumah dalam stesen pegawai berkhidmat dengan pinjaman perumahan Kerajaan, dan disediakan Rumah Khas Jabatan atau Rumah Khas Jawatan			✓	✓	
9. Pegawai yang menghadiri kursus melebihi 3 bulan		Mengikut tawaran cuti belajar	✓		

**PERMOHONAN PEMILIHAN ELAUN PERUMAHAN WILAYAH (EPW) ATAU
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP) BAGI PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

1. **Butir-butir Pegawai**

Nama Penuh Pegawai		No. Kad Pengenalan Baru
<input type="text"/>		<input type="text"/>
Nama *Isteri/Suami Pegawai (jika sudah berkahwin)		No. Kad Pengenalan Baru
<input type="text"/>		<input type="text"/>
Tempat Lahir Pegawai	Tempat Lahir *Isteri/Suami Pegawai	Gred dan Gaji Pegawai
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/> RM

2. **Butir Ibu Bapa Pegawai**

Tempat Lahir Bapa Pegawai	Tempat Lahir Ibu Pegawai
<input type="text"/>	<input type="text"/>

3. **Tempat Berkhidmat**

Alamat Pejabat Pegawai	Alamat Pejabat *Isteri/Suami (jika berkenaan)
<input type="text"/>	<input type="text"/>
Tarikh Pegawai Melapor Diri	Tarikh *Isteri/Suami Melapor Diri
<input type="text"/>	<input type="text"/>

4. **Perihal Perumahan**

Tarikh Disediakan Rumah Kerajaan :	Pegawai	*Isteri/Suami
	<input type="text"/>	<input type="text"/>
Rumah dalam stesen dibeli dengan Pinjaman Perumahan Kerajaan	<input type="checkbox"/>	

5. **Pemilihan Pegawai**

Kadar EPW Pegawai	atau	Kadar ITP Pegawai
<input type="text"/> RM		<input type="text"/> RM

6. **Pengesahan Pegawai**

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dilengkapkan di atas adalah benar. Sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan itu tidak benar, saya akan kehilangan kelayakan EPW.

Tarikh

Tandatangan Pegawai

7. **Kelulusan Ketua Jabatan**

Saya mengesahkan bahawa berdasar kepada maklumat di atas, pegawai adalah berasal daripada Wilayah *Semenanjung/ Sabah (termasuk Labuan)/ Sarawak dan selaras dengan peraturan di perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001, pegawai:-

- (a) layak dibayar EPW atau ITP ; atau
 (b) tidak layak dibayar kedua-dua EPW dan ITP

Tarikh

Nama Pegawai

Tandatangan Pegawai

Catatan: Potong * yang mana tidak berkenaan dan tandakan ✓ di kotak di mana berkaitan